

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 18

### Terbit lebih 500 jenis data

DOSM bantu perancangan sosioekonomi negara melalui data perangkaan berintegriti setiap tahun

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF TANJUNG MALIM

J abatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan lebih 500 jenis data perangkaan setiap tahun bagi membantu perancangan negara terutama dalam bidang sosioekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, data-data seperti pengangguran, inflasi mahupun bilangan tenaga buruh asing diterbitkan mengikut masa yang ditetapkan untuk kegunaan pelbagai pihak.

"DOSM mengeluarkan data mengikut masa yang telah ditetapkan. Data-data berintegriti dan tepat digunakan oleh pelbagai pihak antaranya Bank



Mustapa bersalaman dengan warga DOSM pada majlis sambutan Hari Statistik Negara dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai.

Negara, pelabur asing dan dalam negara, jabatan kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Semua pihak menggunakan data yang diterbitkan DOSM dengan lebih 500 jenis perangkaan dikeluarkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Statistik 2022 bersempena majlis sambutan Hari Statistik Negara dan Sedekad Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai di sini pada Khamis.

Hadir sama Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Menurut Mustapa, sambutan Hari Statistik itu penting bagi menyedarkan masyarakat tentang betapa besarnya peranan jabatan itu mengumpul data bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara.

"Sambutan ini dapat memberi dorongan dan semangat dalam menghebahkan peranan DOSM yang mempunyai lebih 3,000 warga jabatan dalam menjalankan tugas.

"Malah, ILSM sendiri melahirkan ribuan pakar dalam perangkaan. Mudah-mudahan, warga jabatan lebih bermotivasi dalam menjalankan tugas demi

memastikan bahawa angka-angka dikeluarkan adalah mantap dan tepat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mustapa memberitahu, data DOSM menunjukkan bilangan warga asing di negara ini berkurangan daripada 2.7 juta pada 2020 kepada 2.4 juta tahun ini melibatkan kira-kira 300,000 orang akibat pandemik Covid-19.

Menurut beliau, negara bagaimanapun memerlukan tenaga buruh asing terutama dalam sektor 3D (kotor, bahan, sukar) seperti pembinaan, perladangan dan domestik.

"Dasar kita adalah sekitar 15 peratus pekerja asing daripada jumlah tenaga kerja dan kini kita menghampiri angka tersebut. Kita tidak menafikan keperluan tenaga asing tetapi kita perlu pastikan lebih ramai orang kita berminat dalam kerja-kerja seperti ini.

"Caranya adalah dengan menyediakan kemudahan perumahan dan gaji yang lebih baik. Kalau setakat gaji minimum serta tidak ada kemudahan sudah pasti ia tidak mampu menarik rakyat kita untuk bekerja dalam bidang tertentu," katanya.

Sehubungan itu, Mustapa berharap pemain industri dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Keadaan masa kini semakin bertambah baik, ini sudah pasti dapat membantu pemuliharan ekonomi negara.

"Dalam jangka panjang, kita juga harus meningkatkan usaha dalam penggunaan automasi dan mekanisasi iaitu menggunakan mesin serta peralatan dalam sektor perladangan juga pembinaan," katanya.